



27 NOV, 2022

Pesakit kanser tahap 4 genggam PhD

Sinar Harian, Malaysia



Page 1 of 2

Pesakit kanser tahap 4 genggam PhD

Anis Mardiana terima skrol pada Istiadat Konvokesyen UiTM ke-95

SHAH ALAM

Biarpun disahkan menghidap kanser kolon atau usus tahap empat sejak dua minggu lepas, ia tidak mematahkan semangat Dr Anis Mardiana Abdullah hadir mengambil skrol Ijazah Doktor Falsafah (PhD) sempena Konvokesyen ke-95 Universiti Teknologi Mara (UiTM) pada Sabtu.

Anis Mardiana, 45, yang kini tidak boleh berdiri dalam tempoh lama akibat penyakit yang dihadapinya itu, tetap mengagahkan diri untuk berdiri ketika menerima skrol PhD dalam bidang pengangkutan dan logistik

daripada Pro-Canselor UiTM, Tengku Permaisuri Selangor, Tengku Permaisuri Norashikin.

Ibu satu anak itu berkata, beliau tidak mahu menyusahkan pihak universiti untuk menolaknya di atas kerusi roda, selain mahu cuba bertahan untuk berdiri pada hari bersejarahnya.

Beliau mengakui tidak menyangka namanya dipilih sebagai penerima Anugerah Hadiah Buku Inovasi Malaysia Technology Development Corporation (MTDC).

"Masa saya belajar (PhD), saya tidak mempunyai simptom teruk, hanya tangan yang menggetar ketika menulis, yang saya sangka ia disebabkan stress.

"Lepas tamat belajar, saya membuat pemeriksaan dan mendapati saya menghidap kanser tiroid. Tetapi, disebabkan kesihatan saya bertambah teruk, saya pergi membuat pemeriksaan lanjut dan doktor sahkan saya ada kanser kolon tahap empat," katanya ke-



Tengku Permaisuri Norashikin (kanan) berkenan menyampaikan Anugerah Hadiah Buku Inovasi MTDC Doktor Falsafah (Pengangkutan dan Logistik) kepada Dr Anis Mardiana Abdullah pada Istiadat Konvokesyen UiTM ke-95 di Dewan Agung Tuanku Canselor UiTM, Shah Alam pada Sabtu.

pada pemberita selepas majlis konvokesyen.

Dikhabarkan Anis Mardiana akan menjalani pembedahan berkaitan penyakitnya itu pada minggu hadapan di Hospital Canselor Tuanku Muhriz UKM (HCTM), Cheras, Kuala Lumpur.

"Kalau ikut kata doktor sudah lama penyakit ini, tetapi kita tidak

rasa sakit. Saya harap pembedahan lancar," katanya.

Sementara itu, penerima Ijazah Sarjana Perubatan Patologi dan Anatomi, Dr Siti Shakinah Sobri, 36, berkata, walaupun sedang menunggu hari bagi melahirkan anak sulung, wanita itu tetap tidak mahu melepaskan peluang hadir pada

istiadat konvokesyen tersebut.

Beliau yang kini bertugas di Bahagian Patologi Hospital Tuanku Fauziah, Kangar, Perlis itu, berkata pada awalnya, hasrat menghadiri istiadat itu dihalang suami.

"Kandungan sudah 36 minggu, tetapi saya mahu datang juga sebab hendak berjumpa dengan rakan-rakan seperjuangan (rakan sarjana).

"Asalnya suami tidak bagi sebab sedang sarat mengandung, tetapi dia temankan juga saya pada hari ini," katanya.

Terdahulu, Tengku Permaisuri Norashikin berkenan menyampaikan Ijazah Doktor Falsafah dan Ijazah Sarjana Perubatan kepada 116 graduan.

Istiadat Konvokesyen UiTM ke-95 (Sesi Disember 2021) berlangsung pada 26 November sehingga 21 Disember 2022, menyaksikan seramai 31,220 graduan menerima sijil penganugerahan ijazah dan diploma dalam bidang masing-masing di Dewan Agung Tuanku Canselor (DATC) di sini. - *Bernama*





27 NOV, 2022

Pesakit kanser tahap 4 genggam PhD

Sinar Harian, Malaysia



Page 2 of 2

SUMMARIES

Anis Mardiana terima skrol pada Istiadat Konvokesyen UiTM ke-95. Walaupun disahkan menghidap kanser kolon atau usus tahap empat sejak dua minggu lepas, ia tidak mematahkan semangat Dr Anis Mardiana Abdullah hadir mengambil skrol Ijazah Doktor Falsafah (PhD) sempena Konvokesyen ke-95 Universiti Teknologi Mara (UiTM) pada Sabtu.